

25/12/2001

Sistem dua aliran timbul masalah

Wan Hazmir Bakar; Abdul Halim Yussof

KUALA LUMPUR, Isnin - Negara akan menghadapi masalah besar jika wujud sistem pendidikan dua aliran yang ketara, kata Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsuddin.

Beliau berkata, penerimaan sistem pendidikan aliran lain sebagai aliran utama selain aliran kebangsaan oleh sesuatu kaum, akan menyebabkan rasa kurang senang antara kaum.

Katanya, walaupun kerajaan membenarkan aliran Cina dan Tamil pada peringkat sekolah rendah, penerimaannya harus diseimbangkan tanpa mengetepikan aliran kebangsaan.

"Apa yang saya paling takut ialah berlakunya dua aliran pengajian iaitu aliran kebangsaan dan Cina secara ketara.

"Kalau orang Cina merasakan ini (aliran Cina) baik dan orang Melayu pula merasakan tidak, maka negara akan kucar-kacir," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Galeri Tun Ismail Mohamed Ali di Plaza Permodalan Nasional Berhad (PNB) di sini, hari ini.

Majlis pelancaran itu disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Abdul Aziz mengulas pendedahan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) semalam bahawa kira-kira 60,000 murid Melayu kini mengikuti pengajian dalam aliran Cina.

NUTP yang mendakwa berlaku pengasingan murid mengikut kaum di sekolah kebangsaan, menggesa kerajaan mengkaji keberkesanan sekolah kebangsaan sebagai ejen perpaduan di negara ini.

Semalam, Dr Mahathir melahirkan rasa kecewa dengan sikap pihak tertentu yang sering menimbulkan isu pengasingan murid mengikut kaum dan menyalahkan kerajaan, walaupun pelbagai usaha dibuat bagi memantapkan perpaduan pada peringkat awal.

Abdul Aziz berkata, Kementerian Pendidikan tidak boleh menghalang murid daripada mengikuti pengajian dalam aliran Cina di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.

Ketika ini, sekolah berkenaan mengikuti sukatan mata pelajaran yang ditetapkan kementerian, tetapi diajar dalam bahasa Mandarin.

"Kita tak boleh halang minat ibu bapa dan murid asalkan sistem pelajaran yang dilaksanakan mengikut sukatan mata pelajaran yang sama (dengan aliran kebangsaan)," katanya.

Mengenai cadangan supaya Kementerian Pendidikan memperkenalkan subjek Bahasa Mandarin dan Tamil di sekolah kebangsaan sebagai cara menarik minat murid kaum itu, Abdul Aziz berkata kedua-dua bahasa itu kini diajar mengikut permintaan.

Mengenai dakwaan NUTP berhubung pengasingan murid mengikut kaum, beliau berkata Kementerian Pendidikan akan melakukan siasatan mendalam bagi mengetahui kedudukan sebenar.

Malah, beliau sendiri akan mengunjungi sekolah yang dinyatakan NUTP itu bersama beberapa pegawai kementerian untuk menyiasat, selain mengarahkan jabatan pendidikan negeri dan daerah menyediakan laporan.

"Kalau kita dengar bukti tak sahih dan kita ambil, maka tindakan kita adalah salah. Begitu juga NUTP, sepatutnya ia buat kajian terperinci supaya masyarakat tak keliru sebelum membuat dakwaan itu.

"Kalau dakwaan itu benar kita akan memperbetulkan kesilapan," katanya.

(END)

